

16 JAN 2003

Najib-Umno

PETANDA JELAS UMNO SEDIA TAWAN KELANTAN, TERENGGANU

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Umno mendapati sudah terdapat beberapa petanda yang jelas di Kelantan dan Terengganu yang menunjukkan parti itu sudah bersedia untuk menawan kembali kedua-dua negeri daripada Pas.

Naib Presidennya Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, walaupun wujud petanda-petanda itu, namun Umno tidak akan berpuas hati dengannya malah perlu meneruskan usaha gigihnya selama ini.

"Terdapat petanda yang jelas akan perubahan (di Kelantan dan Terengganu), tetapi kita perlu sedar bahawa politik ini adalah dinamik," katanya kepada pemberita selepas menghadiri upacara perbarisan tahunan Maktab Tentera Diraja di Kem Sungai Besi, di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Najib yang juga Menteri Pertahanan enggan mengulas dengan lanjut mengenai apa yang dimaksudkannya sebagai "petanda jelas" itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad ketika berucap di Kota Baharu semalam dalam lawatan kerja dua hari ke negeri itu berkata Barisan Nasional (BN) kini yakin dapat merampas kembali Kelantan yang diperintah oleh Pas sejak 13 tahun lepas.

Berucap di Majlis Bersama Rakyat, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata ia akan mengubah bentuk pembangunan di Kelantan yang masih mundur jika diberi mandat untuk memerintahnya.

Najib berkata sejak pilihan raya umum pada 1999, Umno tidak pernah berhenti usaha memperkukuhkan kedudukannya di semua negeri terutamanya di Kelantan dan Terengganu yang diperintah oleh Pas.

Anggota Umno perlu mengutamakan kepentingan parti daripada individu, mengelak masalah dalaman, tingkat kesetiaan dan perpaduan di kalangan anggota jika ia mahu melihat aspirasi Dr Mahathir itu menjadi kenyataan.

Beliau berkata pemimpin-pemimpin Umno juga perlu mengambil langkah untuk mendekatkan diri mereka dengan masyarakat dan pengundi supaya mereka yakin serta serasi dengan parti itu.

"Kita percaya jikalau anggota Umno bersatu-padu dan mempunyai komitmen yang tinggi, maka adalah tidak mustahil perkara itu (keyakinan Dr Mahathir) itu menjadi kenyataan," kata Najib.

Selain itu, katanya, penampilan dan tatalaku para pemimpin parti juga mesti disenangi oleh pengundi dan orang ramai.

-- BERNAMA

MHI MFJ PR